



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/26\_79 (HQ)

### TNB BEKERJASAMA DENGAN HOTEL PRIMULA BEACH DALAM TEKNOLOGI HIJAU BAGI MENGURANGKAN JEJAK KARBON

- GSPARX sudah siap memasang 315.5 kWp kapasiti solar di bumbung bangunan Hotel Primula
- Hotel Primula dapat penjimatan RM1.49 juta dalam bil elektrik sepanjang tempoh kontrak

Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) giat menyumbang kepada Peralihan Tenaga syarikat utiliti itu dengan Hotel Primula Beach (Primula), Kuala Terengganu menjadi pelanggan pertama dalam bidang perhotelan berhijrah kepada sistem solar, baru-baru ini.

GSPARX telah menyiapkan projek pemasangan sistem solar fotovoltaik di atas bumbung bangunan hotel berkenaan pada Jun lalu untuk menjana 315.5 kWp (kilowatt peak) kapasiti solar, sekali gus menyuntik elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kepada TNB dan negara.

Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti & Teknologi Hijau Negeri Terengganu, Dr. Mamad Puteh menyarankan agar penggiat pelancongan lain turut membangunkan teknologi hijau di hotel dan resort masing-masing, agar sama-sama membantu melestarikan alam sekitar.

“Berasaskan konsep dan prinsip pembangunan lestari secara berterusan, saya percaya pelbagai langkah dan inisiatif perlu diambil oleh semua pihak dalam usaha untuk mengekalkan kemampanan teknologi hijau agar dapat memberi manfaat jangka panjang kepada semua,” katanya berucap di Majlis Perasmian Sistem Solar Primula pada 12 Oktober 2022.

Turut hadir Ketua Pegawai Pelanggan (SME & Residential) Bahagian Retail TNB, Abdul Rahim Abd Jamil; Ahli Lembaga Pengarah Primula, Dato’ Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak dan Burhanuddin Hilmi Mohamed @Harun serta Pengurus Besar Primula, Suaibah Harun.

Pemasangan panel solar di bawah Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui (SARE) selama 21 tahun itu membolehkan Primula menikmati anggaran penjimatan lebih RM1.49 juta sepanjang tempoh kontrak melalui penjanaan sejumlah 402,000 kWj kapasiti solar setahun.

Inisiatif ini sejajar aspirasi nasional menuju negara neutral karbon menjelang 2050 apabila mampu mengelak pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) dalam kuantum 285 tan metrik setahun, bersamaan dengan menanam 4,716 anak pokok selama 10 tahun atau pelepasan karbon daripada 62 kenderaan setahun di atas jalan raya.

Tun Ahmad Faisal menjelaskan bahawa Primula dalam Rancangan Bajet 2023 telah menggariskan lapan inisiatif baharu termasuk meningkatkan penggunaan teknologi hijau yang menjadi tunjang perkembangan sektor pelancongan dan diamalkan secara meluas di peringkat global.

Menurut wakil TNB, Abdul Rahim pula, penghijrahan Primula kepada Tenaga Boleh Baharu (RE) ini menepati agenda Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), yang menetapkan sasaran 31 peratus RE dalam kapasiti terpasang pada tahun 2025 dan 40 peratus menjelang tahun 2035.

“Pelaksanaan SARE dengan Primula ini adalah perjanjian pertama GSPARX dengan industri perhotelan di negara ini. Model ‘Zero Capex’ ini menjadikan GSPARX sebagai pemilik dan pelabur dalam sistem solar yang dipasang manakala pelanggan kami dapat menikmati penjimatan elektrik secara langsung tanpa membuat pelaburan modal,” tambahnya.

Sehingga kini, GSPARX telah berjaya memperolehi 267 projek dengan organisasi komersial, perindustrian & kerajaan untuk menjana sejumlah 146 MWp kapasiti solar. Antaranya Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), Sime Darby Properties, Jabatan Kerja Raya (JKR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Ipoh, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Universiti TATI (TATIUC), Perak Transit, Lumileds, SKF Bearing, CJ Bio dan Spirit Aerosystems.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2022, jam 10:00 pagi**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti & Teknologi Hijau, Negeri Terengganu, Dr. Haji Mamad bin Puteh (tengah), menandatangani plak untuk menandakan pelancaran perasmian Sistem Solar Hotel Primula Beach.

Turut hadir, Pengurus Besar Primula, Suaibah Harun (paling kiri), ahli-ahli Lembaga Pengarah Primula Burhanuddin Hilmi (dua, kiri), Dato' Haji Tun Ahmad Faisal, (tiga, kiri), dan pengurusan TNB & GSPARX Sdn Bhd termasuk Ketua Pegawai Pelanggan (SME & Residential), Bahagian Retail, Abdul Rahim Abd Jamil (empat, kanan); Ketua (Stakeholder Management), Bahagian Regulatory & Stakeholder Management, Datuk Mohamed Azim (tiga, kanan); Ketua Pemasaran Dan Jualan Teknikal GSPARX, Ir. Ts Nor Zih Zainol Abidin (dua, kanan) serta Ketua Retail Negeri (Terengganu) Bahagian Retail, Ir. Mohd Zaidy Mat Rajali (paling kanan).



GSPARX telah siap pemasangan panel solar atas bumbung premis Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu, Terengganu pada Jun 2022. Pemasangan PV solar tanpa modal di bawah Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui (SARE) selama 21 tahun mampu menyediakan kapasiti solar 315.5 kWp.